



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kumpulan Wang Persaraan Pihak Berkuasa – pihakberkuasa
Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980**

DR.27/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977.

[

]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1981.

Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Tajuk panjang kepada Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan 1977, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

Pindaan bagi tajuk panjang.
Akta 185.

"Suatu Akta mengenai pemberian faedah-faedah persaraan kepada pekerja-pekerja dalam pihakberkuasa-pihakberkuasa berkanun dan tempatan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya."

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong takrif "Lembaga";

Pindaan bagi seksyen 2.

(b) dengan memotong takrif “Kumpulanwang”;
dan

(c) dengan memasukkan selepas sahaja takrif
“pihakberkuasa berkanun atau tempatan”
takrif baru yang berikut:

“pihakberkuasa pencen” ertinya Ketua
Pengarah Perkhidmatan Awam atau mana-
mana pegawai yang diberi kuasa olehnya
secara bertulis untuk bertindak bagi pihak-
nya;”.

Bahagian
II dan III
dipotong.

4. Bahagian II dan III Akta ibu adalah dipotong.

Seksyen
baru 11A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan
selepas sahaja seksyen 11 seksyen baru 11A yang
berikut:

“Pencen
dsb. yang
dipertang-
gungkan
kepada
Kumpulan-
wang Di-
satukan.

11A. Semua pencen, ganjaran dan lain-lain
faedah yang diberi di bawah Akta ini hendak-
lah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang
Disatukan.”.

Pindaan
bagi
seksyen 15.

6. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan
“bulanan” dalam seksyen-kecil (1) perkataan-
perkataan “kepada Kumpulanwang Disatu-
kan”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan
“atas syor Lembaga” dalam seksyen-kecil (2)
dengan perkataan-perkataan “dengan per-
setujuan Menteri Kewangan”.

Seksyen 27
dipotong.

7. Seksyen 27 Akta ibu adalah dipotong.

Seksyen
baru 28.

8. Seksyen 28 Akta ibu adalah dipinda dengan meng-
gantikannya dengan yang berikut:

“Kuasa
untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

28. Menteri boleh membuat peraturan-
peraturan bagi maksud menjalankan atau
menguatkuasakan mana-mana peruntukan
Akta ini.”.

Seksyen 29
dipotong.

9. Seksyen 29 Akta ibu adalah dipotong.

**KUMPULANWANG PERSARAAN PIHAKBERKUASA-
PIHAKBERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN
(PINDAAN)**

3

10. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan yang berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 30.

“Peng-
gulungan
kumpulan-
wang
skim-skim
pencen.” 30. (1) Kumpulanwang sesuatu skim pencen bagi pihakberkuasa berkanun atau tempatan hendaklah digulung pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui pemberitahu dalam *Warta* bagi tiap-tiap satu kes tertentu, dan setelah digulungkan kumpulanwang itu, semua aset hendaklah dipindahkan, dan semua tanggungan dipertanggungkan, kepada Kumpulanwang Disatukan.

(2) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, setelah digulungkan kumpulanwang sesuatu skim pencen bagi pihakberkuasa berkanun atau tempatan, pihakberkuasa pencen hendaklah menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tugas-tugas pihakberkuasa yang berkenaan bagi skim pencen itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyusutkan amaun pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang seseorang pekerja layak mendapatnya jika tidak kerana Akta ini.”

11. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 30 seksyen baru 30A yang berikut:

Seksyen
baru 30A.

“Peng-
gulungan
Kumpulan-
wang yang
ditubuhkan
di bawah
Akta.” 30A. Berikutan dengan pemotongan Bahagian III, tindakan hendaklah diambil untuk mula menggulungkan Kumpulanwang yang ditubuhkan di bawah Akta ini dan semua aset hendaklah dipindahkan, dan tanggungan dipertanggungkan, kepada Kumpulanwang Disatukan.”

12. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Lembaga” di mana jua ianya terdapat dengan perkataan-perkataan “pihakberkuasa pencen”.

Perkataan
“Lembaga”.
digantikan.

13. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipotong.

Memotong
Jadual
Pertama.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan memandangkan terhapusnya Lembaga Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan dan penggulungan yang dicadangkan ke atas Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan.

2. *Fasal 2* meminda tajuk panjang dan kerana itu, di bawah *Fasal 3*, takrif-takrif "Lembaga" dan "Kumpulanwang" perlu dipotong. Menurut *Fasal 12*, semua tugas Lembaga berpindah kepada pihakberkuasa pencen. Selain dari itu, Bahagian-bahagian II dan III dan seksyen 27 dan 29 Akta dan Jadual Pertama kepada Akta adalah dipotong mengikut *Fasal-fasal 4, 7, 9 dan 13*.

3. *Fasal 5* memasukkan suatu peruntukan baharu yang menyatakan bahawa segala pencen, ganjaran dan lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa semua caruman majikan-majikan hendaklah dibayar-masuk ke dalam Kumpulanwang Disatukan dan bahawa apa-apa jua pindaan kepada kadar-kadar caruman itu hendaklah dibuat oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

4. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan adalah diberi kepada Menteri di bawah *Fasal 8*. *Fasal 10* adalah berkenaan dengan penggulungan kumpulanwang skim-skim pencen dan *Fasal 11* menetapkan tindakan yang dicadangkan yang hendak diambil mengenai penggulungan Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan dan pemindahan asetnya serta tanggungannya yang dipertanggungkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1034.]